

Membantu kanak-kanak

Oleh ROSLAH OTHMAN

mangsa

U. M'sia m/s 2

dera seks

26. 9. 07

APAKAH

reaksi sekiranya seorang kanak-kanak sama ada anak jiran atau anak sendiri mendatangi anda dan memberitahu dia mangsa deraan seks? Tentu sukar sekali menentukan reaksi spontan yang bakal diberikan. Apa yang pasti rasa terkejut, kurang percaya, marah dan tidak kurang juga ada yang menyalahkan kanak-kanak tersebut sengaja 'mereka-reka' cerita.

Reaksi sedemikian tidak harus ditunjukkan kerana pengalaman menakutkan itu boleh membawa akibat yang buruk di kemudian hari kepada kanak-kanak itu, seperti kemurungan atau gangguan personaliti dan tingkah laku yang bertentangan daripada kelaziman.


Ini diakui sendiri Pengerusi Badan Bertindak Penderaan Seksual Terhadap Kanak-Kanak (MCPCSA), Sabri Abdul Rahman.

Menurutnya, seseorang yang berada dalam keadaan tenang akan dapat membantu kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan seks berasa dirinya selamat.

Memberi keyakinan dengan menyatakan, 'saya kesal perkara ini terjadi kepada anda' atau 'mari kita lihat apa yang boleh kita lakukan' akan memudahkan kanak-kanak itu berterus terang.

"Apabila kanak-kanak memberitahu kita yang dia

Peritanya untuk membicarakan tentang penderaan itu boleh disamakan seperti perlakuan penderaan itu sendiri. Oleh kerana itu orang-orang dewasa hendaklah memberi sokongan yang sebanyak mungkin kepada kanak-kanak itu, terutama apabila mereka mula bercerita.



“Apabila kanak-kanak memberitahu kita yang dia telah didera, jangan mencelah percakapan mereka. Beri mereka ruang untuk bercakap. Jangan menggunakan ungkapan seperti ‘anda sepatutnya tidak bercakap seperti itu’ atau ‘apakah anda pasti’.

“Ini hanya akan menghalang mereka untuk bercerita atau berterus terang. Adalah tidak mudah bagi mereka untuk bercakap secara terbuka kerana mungkin mereka telah diberi amaran atau diugut oleh pelaku (pendera). Sokonglah mereka dengan memberi perhatian sepenuhnya,” ujarnya.

Beliau juga memberitahu pemulihan merupakan satu proses penting bagi kanak-kanak yang telah didera secara seksual.

Katanya, proses pemulihan yang dilalui oleh kanak-kanak itu dapat menjamin kehidupan yang lebih

bahagia dan produktif.

Ya mungkin memakan masa yang lama tetapi hasilnya adalah berbaloi. Kepada kanak-kanak, sudah tentu mereka akan berasa lega apabila mengetahui ramai kanak-kanak lain telah berjaya dipulihkan daripada kesan trauma akibat didera secara seksual.

Beliau turut memberi beberapa panduan ringkas bagaimana tindak balas yang harus diambil apabila ada kanak-kanak memberitahu mereka mangsa deraan seks.

Antaranya, memberi kepercayaan kepada kanak-kanak tersebut, di mana ia merupakan langkah utama dalam menolong mereka mengatasi trauma yang dialaminya.

“Kenyataan seperti ‘saya percayakan anda’ atau ‘itu bukan salah anda’ akan dapat membantu mereka dalam proses pemulihan,” katanya.

Menurut Sabri lagi, kanak-kanak yang telah dianiaya atau didera sering berada dalam keadaan keliru tentang perasaan mereka akibat telah dimanipulasi oleh pendera mereka.

Ini lebih-lebih lagi jika pendera tersebut orang yang mereka kenali atau sayangi seperti bapa, abang, datuk mahupun jiran tetangga.

Oleh itu, mereka hendaklah diberi peluang serta digalakkan untuk melahirkan perasaan yang terpendam dan pihak yang mendengar hendaklah mengakui dan memandang serius luahan tersebut.

“Kenyataan-kenyataan seperti ‘saya tahu bahawa ini tidaklah mudah bagi anda’ dan ‘anda sungguh berani untuk menceritakan semua ini kepada saya’ dapat menyampaikan perasaan empati, keprihatinan dan sokongan yang diperlukan oleh kanak-kanak tersebut,” katanya.

Menurut Sabri, bagi mangsa peritnya untuk membicarakan tentang penderaan itu boleh disamakan seperti penderaan itu sendiri. Oleh sebab itu, orang-orang dewasa hendaklah memberi sokongan yang sebanyak mungkin kepada kanak-kanak itu, terutama apabila mereka mula bercerita.

Tenteramkan mereka dengan kata-kata seperti ‘saya di sini untuk menolong anda’ atau ‘saya akan bersama melalui keadaan ini.

Langkah seterusnya kata Sabri ialah, sediakan kanak-kanak tersebut menghadapi keadaan seterusnya kerana kanak-kanak yang dianiaya merasa diri mereka tidak berdaya.

“Mereka perlu diberitahu bahawa terdapat orang lain di sekeliling mereka yang boleh memberi pertolongan.

“Mereka juga perlu diberitahu tentang perkara yang boleh mereka lakukan, iaitu bagaimana untuk menceritakan tentang peristiwa itu, kepada siapa dan jenis sokongan yang mereka perlukan,” katanya.

Selain itu, beri peluang kepada kanak-kanak untuk melibatkan diri dalam ‘kes’ mereka sebanyak mungkin.

Dengan itu kanak-kanak tersebut dapat merasakan bahawa mereka berhak ke atas diri mereka dan mendapat sokongan serta kekuatan untuk menghadapi percikaraan kesnya nanti

“Tindakan terbaik membawa kanak-kanak itu ke hospital kerajaan untuk mendapat rawatan bagi kecederaan fizikal.

“Pada masa sama hubungi juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), polis atau mana-mana badan bukan kerajaan yang memberi perlindungan kepada golongan ini,” katanya.



SABRI ABDUL RAHMAN